

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HASBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Haji Hasbi Bin Haji Hasbollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina kemudahan NICU (Neonate Intensive Care Unit) dan mengganti Pakar Pediatrik yang telah berhenti di Hospital Limbang hinggakan perkakas yang telah dilulus dan telah berada di Hospital Limbang seperti DUOPAP pun dipindah ke Hospital Miri dengan alasan tiada kemudahan dan pakar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang berhasrat untuk menempatkan pakar pediatrik di semua hospital berpakar termasuk di Hospital Limbang. Perkhidmatan pediatrik di Hospital Limbang pada masa ini diberikan oleh Pegawai Perubatan yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang pediatrik dan juga pakar pelawat dari Hospital Miri secara berkala. Adalah dimaklumkan bahawa pegawai yang berhenti di Hospital Limbang yang dimaksudkan tersebut bukanlah Pakar

Pediatrik tetapi beliau merupakan Pegawai Perubatan terlatih dalam bidang pediatrik.

Pada masa ini, kemudahan NICU hanya disediakan di hospital berpakar tertentu sahaja dengan beban kerja neonatal (bayi kurang daripada sebulan) yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 24

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan status pencarian MH370 dan kos
operasi mencari dan menyelamatkan sehingga kini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini operasi pencarian pesawat MH370 telah memasuki fasa operasi pencarian laut dalam yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery*, *Fugro Equator* dan *GO Phoenix*. Kapal-kapal tersebut dilengkapi *side scan sonar*, *synthetic aperture sonar*, *multi-beam echo sounder* dan *video camera*. Operasi pencarian laut telah dimulakan bermula bulan Oktober 2014 dan akan diteruskan dalam tempoh 12 bulan. Sehingga kini, hanya Malaysia dan Australia yang terlibat dalam operasi pencarian laut dalam.

Bagi operasi pencarian pesawat MH370, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memperuntukkan peruntukan yang sama dengan peruntukan yang disediakan oleh Australia iaitu berjumlah AUD60 juta untuk membiayai kos perolehan kontrak bagi mendapatkan perkhidmatan dan peralatan daripada syarikat komersial dalam melaksanakan operasi mencari pesawat MH370.